



MAJLIS VETERINAR MALAYSIA
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon: 0388702000
Faks: 03-88886051
Email: secretary@mvc.gov.my
Website: www.mvc.gov.my

Ruj. Kami : DVS.MVM/IS/30.2(4)
Tarikh : 30 OKTOBER 2025

**KEPADA SEMUA DOKTOR VETERINAR BERDAFTAR /
REGISTERED VETERINAR SURGEON (RVS)**

YBhg. Datuk/YH Dato'/YBhg. Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PERMOHONAN PERAKUAN TAHUNAN AMALAN VETERINAR/
ANNUAL PRACTICING CERTIFICATE (APC) BAGI TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bagi memastikan proses penghantaran APC kepada RVS lebih pantas dan cekap seperti yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Ahli MVC kali ke 63, Bil. 1/2024, kaedah penghantaran APC kepada RVS adalah seperti berikut:

- (a) Edaran melalui *softcopy* PDF kepada alamat email yang telah dinyatakan di dalam permohonan APC (**Kaedah utama**);
- (b) Penghantaran *hardcopy* melalui pos.
- (c) **Memaklumkan melalui emel tarikh dan masa kepada mvc@dvs.gov.my setelah menerima salinan *softcopy*, sekiranya ingin mengambil sendiri *hardcopy* di pejabat MVC (10.00 pagi – 4.30 petang/setiap hari).**

3. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/YH Dato'/YBhg. Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan boleh memohon APC bagi tahun 2026 di pautan <https://bit.ly/MyVETAPC> bermula pada **30 Oktober 2025** atau boleh melayari di laman sesawang MVC di www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/2575. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh diajukan kepada mvc@dvs.gov.my.

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/YH Dato'/YBhg. Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"VETERINAR KOMPETEN MASYARAKAT SEJAHTERA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DR. LEONORA TUAH MERAWIN)
Setiausaha
Majlis Veterinar Malaysia